

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [BACHOK]**

TARIKH : KHAMIS, 21 MEI 2015

SOALAN :

TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]
Minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan penemuan kajian terkini dan manfaat pokok buluh yang berada di kawasan sungai. Sejauh manakah pokok-pokok buluh di sepanjang sungai dipelihara bagi mengatasi masalah hakisan tebing dan kawalan banjir

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian penanaman buluh di kawasan cerun yang telah dijalankan oleh FRIM didapati bahawa tanaman buluh memberi kesan yang signifikan kepada pengurangan kadar hakisan tanah dan mengukuhkan tebing sungai.

Dalam aspek pemeliharaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mengamalkan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan telah memperuntukkan keperluan memelihara zon penampungan di sepanjang sungai di dalam kawasan pengusahaan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan kelebaran minimum 10 meter di kiri dan kanan sungai. Semua pokok termasuk buluh dalam kawasan zon penampungan ini tidak dibenarkan untuk ditebang untuk mengurangkan kesan hakisan tanah secara langsung.

Sekian, terima kasih.